

22 MAR 1997

Mahathir-Anugerah

KEMAJUAN MALAYSIA HASIL KERJASAMA MASYARAKAT ISLAM DAN BUKAN ISLAM

RIYADH (ARAB SAUDI), 23 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyatakan penghargaannya kepada masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia kerana sikap toleransi dan saling menghormati yang membantu menjadikan Malaysia sebuah negara yang stabil dan makmur.

Dr Mahathir berkata tanpa sikap toleransi, peka dan saling hormat menghormati antara masyarakat berbilang kaum, Malaysia tidak akan berjaya mencapai kejayaan seperti yang dinikmatinya hari ini.

Dalam ucapan beliau pada majlis penyampaian Anugerah Antarabangsa Raja Faisal untuk Perkhidmatan Bagi Islam 1997 di sini, Perdana Menteri berkata anugerah itu merupakan satu penghormatan besar kepada Malaysia serta satu pengiktirafan terhadap pencapaian rakyatnya, sama ada yang beragama Islam ataupun bukan Islam.

Hadiah itu disampaikan oleh Timbalan Perdana Menteri Kedua Arab Saudi, Putera Sultan Ibn Abdel Aziz, yang juga Menteri Pertahanan dan Penerbangan. Upacara itu dilangsungkan di pusat Al-Khozama di sini. Putera Sultan Ibn Abdel Aziz mewakili Al Malik Fahd, Raja Arab Saudi.

Dr Mahathir menerima sijil, satu pingat emas seberat 200gm dan hadiah wang tunai SR750,000 (RM10,760). Anugerah itu diwujudkan pada 1976 sebagai memperingati almarhum Raja Faisal Ibn Abdel Aziz selepas pembunuhan beliau oleh seorang daripada anak saudaranya.

Yayasan Raja Faisal yang mengurniakan anugerah itu, menyifatkan kebijaksanaan dan sikap sederhana Dr Mahathir mencerminkan kebesaran dan kebenaran Islam, dan menyanjungi dasar-dasar beliau yang berjaya mewujudkan kerjasama di kalangan masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia.

Dr Mahathir berkata pencapaian masyarakat Islam di Malaysia hari ini diasaskan 900 tahun dahulu oleh pedagang Islam dari Hadramant, yang mempengaruhi dan mendorong orang Melayu untuk memeluk Islam menerusi sikap dan kelakuan terpuji yang ditunjukkan oleh mereka.

"Para pedagang itu bukan sahaja penganut Islam yang patuh, tetapi mereka juga baik dan murah hati. Mereka menunjukkan teladan baik yang mencerminkan ajaran sebenar Islam.

"Jika ditakdirkan orang Islam pertama yang menjejaki Malaysia menunjukkan sikap buruk, sungguhpun mereka bersembahyang dan berpuasa, nenek moyang orang Melayu sekarang mungkin menolak agama Islam," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sejak menerima Islam, orang Melayu mencapai kemajuan dalam bidang kesenian, sains, sistem pemerintahan dan undang-undang.

"Sejak itu, orang Melayu terus kekal setia dan komited terhadap Islam dan menjadikannya sebagai panduan supaya tidak mengabaikan dan meminggirkan agama dalam usaha kami mengejar kemajuan kebendaan.

"Kami percaya bahawa kemajuan kebendaan yang dicapai adalah selari dengan ajaran Islam. Ini penting daripada segi perpaduan ummah serta mempertahankan umat Islam daripada mereka yang ingin memisahkan kita daripada Islam dan memusnahkannya."

"Bagi kami, kestabilan politik, kerajaan yang baik, penguasaan sains dan teknologi, kekayaan kebendaan adalah penting dalam proses memperkuatkan ummah dan mempertahankan kepercayaan kita," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata, "Dengan berpandukan prinsip-prinsip Islam atau yang tidak bercanggah dengan Islam, kami tidak menghadapi masalah untuk

mencapai "Hassanah" di dunia dan "Insyah-Allah" juga di Akhirat nanti."

"Ini adalah pegangan dan kepercayaan kami di Malaysia, kami tidak mengharapkan pujian atau kutukan daripada sesiapa di dunia. Allah SWT akan menjadi Hakim di Akhirat yang akan menentukan sama ada kami patut diberi ganjaran atau dihukum.

"Tiada sesiapa pun yang boleh menganggap bahawa diri mereka sahaja yang mengetahui akan keputusan Allah terhadap kita di Akhirat. Hanya Allah SWT sahaja yang tahu," kata Dr Mahathir.

Di samping Dr Mahathir, penerima-penerima anugerah Raja Faisal yang lain ialah Dr Abdul Karim Zaidan Baheej Al-Aani dari Iraq (Pengajian Islam); Dr James Francis Gosla dari Kanada, Dr Colen Louis Masters dari Australia dan Dr Conald Trangut dari Jerman (Perubatan) dan Dr Karl Weimann dan Dr Erick Cornell, kedua-duanya dari Amerika Syarikat (Fizik).

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi, Sapii Abu Samah turut hadir pada majlis itu.

Sehingga ini, 111 tokoh dari 31 negara telah menerima Anugerah Antarabangsa Raja Faisal kerana sumbangan mereka terhadap perkhidmatan bagi Islam, Pengajian Islam, Kesasteraan Arab, Sains dan Perubatan sejak 1977.

-- BERNAMA

AHH MZ PR